

ASPEK RETORIK LAFAZ *AL-SAHAB* DALAM AYAT-AYAT AL-QUR'AN

Muhamad Khairul Anuar Bin Zulkepli
mkaz@uitm.edu.my

Burhanuddin Haji Wahab
burhan053@uitm.edu.my

Ahmad Fauzi Yahaya
fauzi559@uitm.edu.my

Mohd Zulkhairi Abd Hamid
mzulkhairi@uitm.edu.my

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara,

ABSTRAK

Al-sahab atau awan merupakan salah satu daripada penciptaan alam yang menjadi tanda kekuasaan Allah. Kewujudan awan turut dibuktikan menerusi al-Qur'an dan juga beberapa kajian ilmiah, saintifik dan sebagainya yang telah direalisasikan oleh para ilmuan dan sarjana. Berdasarkan al-Qur'an, terdapat beberapa perkataan atau lafaz awan yang telah dinyatakan oleh pengkaji terdahulu dan antaranya ialah *al-sahab*. Namun, perkataan tersebut lebih cenderung kepada perbincangan dari konteks perkataan, tafsir, *dilalah* dan bahasa. Perincian terhadap aspek retorik bagi lafaz tersebut dalam setiap ayat al-Qur'an yang berbeza kurang diberikan perhatian. Kekurangan tersebut menjadi lompaan utama yang perlu dikaji. Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis perkataan *al-sahab* dalam al-Qur'an menerusi perspektif retorik serta melihat penggunaannya dalam konteks ayat. Kajian ini mendasari pendekatan kualitatif yang menggunakan kaedah analisis dokumen dengan menjadikan al-Qur'an sebagai sumber premier untuk mengenalpasti dan menganalisis lafaz *al-sahab*. Sebanyak sembilan lafaz *al-sahab* dikenalpasti untuk dikaji dan pemilihan perkataan tersebut turut dibantu oleh *Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Qur'an al-Karim* untuk mengenalpasti kedudukannya dalam ayat-ayat yang berbeza. Kemudian, ia disusuli dengan perkamusan Arab, retorik, linguistik dan rujukan tatabahasa Arab yang turut dijadikan sandaran dalam kajian. Data pula dianalisis secara deskriptif dengan berpandukan pandangan para sarjana terhadap isu yang dibangkitkan oleh mereka. Hasil kajian mendapati bahawa pengungkapan lafaz *al-sahab* dalam al-Qur'an mempamerkan maksud tersendiri di sebalik kontekstual sesuatu ayat dan ia mampu dibuktikan menerusi *nazm*, *tashbih*, *al-taqdim wa al-ta'khir* dan *al-tankir*.

Kata kunci: *al-sahab*, retorik, al-Qur'an, leksikografi

ABSTRACT

Al-sahab or the cloud is one of the creation of the universe which are the signs of Allah. The existence of the cloud also proven in the Qur'an and some scientific studies that have been realised by scholars dan researchers. Based on the Qur'an, there are some cloud words that have been specified by previous researchers and the one is al-sahab. However, the words focused on wording, interpretation, semantic and lingual aspect. The details on aspects rhetoric for the words in each verses the Qur'an not given attention. The shortcomings and weaknesses are the major deficiencies that need to be studied. Therefore, this study aims to analyze the words al-sahab in the Qur'an through the perspective of rhetoric and see its use in the context of the verses. This study mostly relies on qualitative approach using the Qur'an as the main source in identifying and analysing the word al-sahab. A total of nine words of al-sahab is identified for analysis and the selection of the words is based on Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Qur'an al-Karim in order to pin down the position of the words in the different verses. Next, it is followed with Arabic lexicons, balaghah, linguistic and Arabic syntactical references as the referencing in this study. The data is descriptively analysed by referring to the views of the past scholars regarding the issues they raise. It is found that the use of the word al-sahab reflects its own meanings and functions behind the contextual verces which can be proved through nazm, tashbih, al-taqdim wa al-ta'khir and al-tankir.

Keywords: *al-sahab, rhetoric, Qur'an, lexicography*

PENGENALAN

Lafaz dalam al-Qur'an merupakan perkataan yang terpilih untuk disuaikan dalam sesuatu ayat. Ia bukan sahaja mengandungi huruf malah berhubung kait dengan situasi atau konteks. Setiap lafaz memainkan penting dalam memahami konten sesuatu ayat. Terdapat beberapa lafaz yang dapat difahami secara umum dan ada yang memerlukan penjelasan atau tafsiran. Bahkan, terdapat beberapa lafaz memberikan makna yang sama namun, ia berbeza dari sudut konteks ayat contohnya *al-sahab* (awan).

Pada amnya, awan mengandungi konsep tersendiri. Dari sudut saintifik, awan ialah kumpulan butir-butir air di atmosfera yang terhasil dari proses kondensasi wap air (Roger, 1983). Pembentukan awan melibatkan proses dinamik dan mikrofizik. Proses dinamik ialah pergerakan parcel udara yang membentuk kondisi tertentu hingga terbentuk awan. Mikrofizik ialah pembentukan awan melalui kondensasi wap air dan interaksi antara partikel butir air (mechanics)(Ahrens, 2007). Dari perspektif bahasa, awan dilakarkan menerusi lafaz *al-sahab* yang berasal daripada kata dasar سَحَبٌ يَسْحَبُ سَحَابًا. *Al-sahabah* ialah awan dan dinamakan sebagai awan kerana ia terseret, ditarik di udara. Kata jamak bagi *al-sahabah* ialah *sahab, saha'ib* dan *suhub* (Ibn Manzur, 1999).

Perbincangan tentang awan dalam al-Qur'an telah dibincangkan oleh para pengkaji silam dan terkini. Kesenambungan daripada kajian tersebut masih diteruskan hingga kini. Pengungkapan lafaz *al-sahab* dalam ayat-ayat al-Qur'an dapat diperhatikan dengan jelas menerusi kajian berikut iaitu kajian Muhammad (2010) bertajuk *Lafz al-Ma' Wa Ma Yadullu 'Alaihi min al-Nusus al-*


Tanzil. Kajian ini mengupas tentang lafaz-lafaz berkaitan dengan *al-ma'* dalam Al-Qur'an dari aspek *dilalah*. Antara lafaz yang tersenarai dalam kajian tersebut ialah *al-sahab* dan ia dikategorikan sebagai lafaz lain yang berkait rapat dengan air. Dalam kajian yang kedua, ia dapat dilihat pada kajian Saihood (2019) yang berjudul *Jamaliyyah al-Tashbih fi al-Suwar al-Makkiyyah*. Dalam kajian ini, beliau membahaskan aspek *tashbih* atau perumpamaan dalam surah-surah *makkiyyah*. Antara yang menjadi kupasannya ialah lafaz *al-sahab* dalam ayat dari surah al-A'raf. Ayat tersebut merungkaikan satu gambaran tentang kehidupan selepas mati yang diumpamakan tanah yang tandus kembali hidup semula dengan tumbuhan dan tanaman-tanaman. Ia kembali hidup semula ekoran daripada awan berat yang menurunkan air hujan lalu menghidupkan semula tanah yang telah mati.

Bertitik tolak daripada kedua-dua kajian tersebut, kajian pertama lebih cenderung kepada aspek makna manakala kajian kedua pula fokus kepada aspek retorik. Namun, perbincangan tidak menyentuh aspek retorik secara menyeluruh terhadap semua ayat al-Qur'an yang mengandungi lafaz *al-sahab* sama ada ia mengandungi keindahan gaya bahasa yang sama atau sebaliknya. Justeru, ini memberikan ruang kepada satu kajian terhadap pengungkapan lafaz *al-sahab* dari aspek *balaghah* yang masih belum diterokai dan dikupas.

TEORI PENGUNGKAPAN LAFAZ

Pada dasarnya, fokus kajian adalah berkisarkan kepada aspek pengungkapan lafaz *al-sahab* dalam sesuatu ayat al-Qur'an. Apabila menyebut tentang pengungkapan lafaz, ia berkait rapat dengan kontekstual ayat dan melibatkan beberapa gabungan perkataan atau susunan lafaz demi lafaz.

Dalam hal ini, pandangan al-Jurjani (471H) dijadikan teras utama kajian ini dalam merungkaikan lafaz *al-sahab* tersebut. Menurutnya, sesuatu lafaz boleh menyerlahkan makna bergantung kepada kondisi lafaz tersebut dalam sesuatu ayat. Ia boleh mencernakan lafaz tersebut kepada gambaran makna yang lebih halus. Sehubungan itu, perkataan atau lafaz tersebut perlu diperhalusi dahulu sebelum ia disusun dalam susunan ayat bagi menghasilkan gambaran atau keindahan makna. Sesuatu ayat tersebut tidak akan memberikan maksud yang jelas melainkan dengan kewujudan hasil gabungan perkataan-perkataan dan susunan lafaz demi lafaz. Sifat dinamik antara perkataan dalam sesuatu ayat menyebabkan wujudnya perbezaan atau pencernaan makna dari sudut konteks. Justeru, pandangan al-Jurjani (471H) menjadi asas kajian yang dapat diilustrasikan seperti berikut:



METODOLOGI

Kajian ini ialah kajian kualitatif berbentuk analisis teks yang melibatkan pengumpulan ayat-ayat al-Qur'an. Al-Qur'an merupakan sumber premier dalam mengenalpasti lafaz *al-sahab*. Sumber lain juga turut dijadikan sandaran iaitu perkamusan Arab, kajian retorik, tafsir al-Qur'an, kajian linguistik dan sastera Arab, rujukan tatabahasa Arab. Terdapat sembilan lafaz *al-sahab* dalam al-Qur'an yang dikenalpasti berdasarkan pandangan 'Aidah (1990), al-'Abadasah (2002), al-Za'arir (2003) dan Ubaidiyyah (2003). Setiap lafaz tersebut dibantu oleh *al-Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Qur'an al-Karim* (2001). Perkataan dalam *mu'jam* ini disusun mengikut susunan huruf bermula dari huruf Alif hingga Ya'. Dari setiap huruf tersebut disenaraikan lafaz *al-sahab* dari aspek nama surah, kedudukan ayat dan kekerapannya dalam al-Qur'an. Aspek terjemahan ayat al-Qur'an pula adalah berpandukan kepada Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Qur'an (2001). Seterusnya, lafaz *al-sahab* dianalisis menggunakan kaedah deskriptif dengan berteraskan kepada pandangan dan isu yang telah dibangkitkan oleh pengkaji terdahulu dan terkini. Lafaz tersebut digariskan dan diklasifikasikan mengikut surah dan ayat. Kemudian, ia dianalisis dengan bersandarkan kepada ilmu *balaghah* yang disusun oleh al-Jurjani (471H) yang juga telah menginspirasi pembahagian ilmu tersebut kepada *ma'ani*, *bayan* dan *badi'* untuk merungkaikan sesuatu keindahan dalam ayat al-Qur'an.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hasil penelitian mendapati bahawa lafaz *al-sahab* tertera al-Qur'an sebanyak sembilan kali kekerapan dalam surah-surah yang berbeza. Setiap perkataan tersebut akan diperhalusi aspek *balaghah* berdasarkan konteks ayat:

Jadual 1: Lafaz *al-sahab* dalam al-Qur'an

Bil	Surah	Ayat
1	al-Baqarah	164
2	al-A'raf	57
3	al-Ra'd	12
4	al-Naml	88
5	al-Nur	40
6	al-Nur	43
7	al-Rum	48
8	Fatir	9
9	al-Tur	44

***Al-Sahab* Dari Sudut Leksikografi**

Menurut Ibn Manzur (1999), beliau menyebut bahawa *al-sahab* berasal daripada kata dasar سَحَبَ bererti menyeret, menarik. *Al-sahabah* bererti awan dan dinamakan sebagai awan kerana ia terseret, ditarik di udara. Kata jamak bagi *al-sahabah* ialah سَحَابٍ, سَحَابٍ dan سُحُبٍ.

Al-Fayruz Abadi (2005) menyebut *al-sahab* bermaksud awan dan kata jamaknya ialah سَحَابٍ, سُحُبٍ dan سَحَابٍ. Al-Zabidi (1974) menjelaskan bahawa *al-sahab* ialah kata jamak bagi perkataan *al-sahabah* iaitu awan. Turut disebut bahawa *al-sahab* ialah kata nama berbentuk *mudhakkar* dan *mu'annath* serta *mufrad* dan jamak. Dalam *al-Mu'jam al-Wasit* (1972), disebut perkataan *al-sahab* ialah awan sama ada ia mengandungi air di dalamnya atau tidak. Kata jamak bagi *al-sahab* ialah *suhub*. Oleh yang demikian, dapat dikatakan bahawa *al-sahab* ialah awan.

Pengungkapan *Al-sahab* Dari Aspek Retorik

Perbincangan lafaz *al-sahab* dari aspek retorik akan diperhalusi dan dikupas mengikut setiap ayat yang mengandungi lafaz tersebut:

1) Surah al-Baqarah

﴿وَتَصْرِيفِ الرِّيَّاحِ وَالسَّحَابِ الْمُسْتَخَرِّ﴾

“Demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung”

(*al-Baqarah* 2: 164)

i. Nazm

Dalam ayat di atas, lafaz *al-sahab* dapat diperhalusi jalinan dan rangkaian perkataan yang terbentuk antaranya iaitu menerusi perkataan الرِّيحِ dan المُسَخَّرِ. Ketiga-tiga lafaz ini pada umumnya tampil secara *ma'rifah* atau *al-ta'rif* yang menunjukkan *al-ta'zim* (kehebatan). Konten ayat ini sebenarnya menerangkan bahawa Allah menjadikan awan terapung kerana Dia ingin menurunkan hujan dan awan yang terapung itu tunduk pada kekuasaan Allah. Begitu juga peredaran angin yang

tunduk kepada kekuasaanNya menggerakkan awan mengikut ketentuanNya. Oleh itu, *al-sahab* dan *al-riyah* dipilih sebagai gandingan perkataan dalam ayat ini kerana hanya Allah sahaja yang boleh mengawal angin dan awan. Kedua-duanya juga adalah makhluk ciptaanNya dan ia tidak dapat dikuasai atau dikawal oleh sesiapa pun.

Seterusnya, perkataan *المسخر* yang tertera dalam ayat tersebut dikaitkan sebagai sifat kepada awan yang bersifat tunduk kepada Allah. Dalam hal ini, al-Mut’i (1996) memberikan pencerahan bahawa perkataan *al-musakkhar* digunakan dalam Al-Qur’an yang bertujuan untuk mengalihkan perhatian hamba-hambaNya kepada nikmat Allah dan tanda-tanda kekuasaanNya pada alam semesta. Rentetan dari pandangan ini, dapat disimpulkan bahawa *المسخر* digandingkan dengan lafaz *al-sahab* kerana Allah yang menciptakan awan dan bukannya manusia atau lain-lain. Sudah tentu ia akan tunduk kepada penciptanya sahaja dan tidak kepada yang lain.

2) Surah al-A’raf

﴿حَتَّىٰ إِذَا أَفْلَتْ سَحَابًا ثِقَالًا سُفْنَاهُ لِبَلَدٍ مَّيِّتٍ﴾

“Hingga apabila angin itu membawa awan mendung, Kami halakan dia ke negeri yang mati (ke daerah yang kering kontang)”

(al-A’raf 7: 57)

i. Nazm

Melihat kepada aspek padanan, terdapat dua jalinan perkataan yang terbentuk dalam ayat tersebut iaitu *سحاب ثقيل* dan *بلد ميت*. Apabila difahami konteks ayat tersebut secara ideal, jelas bahawa awan tidak menurunkan hujan pada satu tempat sahaja malah banyak tempat. Begitulah gambaran yang terjalin pada perkataan *sahab thiqal* yang menjelaskan perihal awan mendung itu menurunkan hujan pada banyak tempat. Namun, tempat yang banyak itu ditujukan kepada kawasan kering-kontang seperti yang dinyatakan menerusi ungkapan *baladin mayyit*.

Dalam soal ini, perlu dirungkaikan bahawa hubung jalin antara lafaz *sahab* dengan lafaz *thiqal* dalam struktur ayat ini sebagai menunjukkan kondisi awan yang mengandungi air banyak untuk diturunkan sebagai hujan. Manakala ungkapan *baladin mayyit* pula menggambarkan keadaan negeri yang mati kering kontang. Dalam struktur ayat ini, al-Mut’i (1996) menjelaskan bahawa terdapat perbezaan antara *مَيِّتٍ* dan *مَيِّتٍ*. Perkataan *mayyit* ialah kematian yang bersifat *majaz* dan bukanlah kematian sebenar seperti ruh yang keluar dari jasad. Oleh yang demikian, jelas bahawa *mayyit* dalam ayat ini menggambarkan kehidupan sesebuah negeri atau daerah yang tandus kering kontang. Ia akan kembali hidup semula dengan air hujan yang membasahnya.

Kesimpulannya, jalinan antara ungkapan *sahab thiqal* dan *baladin mayyit* yang tertera dalam ayat ini sebenarnya bertujuan memberikan pedoman kepada manusia tentang pergerakan awan yang berat untuk diturunkan ke kawasan kering-kontang ialah sebagai bukti kekuasaan dan kekuatanNya. Ini kerana manusia tiada keupayaan untuk mencipta sebesar-besar ciptaan iaitu awan. Bahkan, sekecil-kecil ciptaan seperti air pun manusia tiada keupayaan untuk menciptanya.

Oleh itu, air sahaja sudah cukup untuk menghidupkan serta menyegarkan sebuah negeri atau kawasan tandus kering-kontang melalui awan yang menurunkan hujan.

3) Surah al-Ra'd

﴿وَيُنشِئُ السَّحَابَ الثِّقَالَ﴾

Dan Ia menjadikan awan tebal yang berat (dengan air)''

(al-Ra'd 13: 12)

i. Nazm

Dalam ayat tersebut, lafaz *al-sahab* dijalinkan dengan perkataan *ينشئ* yang ditampilkan sebagai kata kerja *mudari'*. Dalam hal ini, Ibn Faris (1979) dan al-Asfahani (2006) mengatakan bahawa perkataan *ينشئ* bermaksud mencipta sesuatu dan membentuknya serta ia diangkat naik tinggi.

Dengan berorientasikan pandangan tersebut, dapat dikatakan bahawa pengungkapan *ينشئ* dalam konteks ayat ini menunjukkan satu proses pembentukan terhadap sesuatu ciptaan dan mempunyai fungsi tertentu. Oleh yang demikian, lafaz *al-sahab* menerangkan proses pembentukan awan yang melibatkan proses perubahan fizikal dan kimia dan ia membawa perubahan dari satu keadaan kepada keadaan lain. Sebelum terbentuknya awan yang mengandungi air, ia melalui beberapa peringkat.

Manakala fungsi awan yang tercipta itu dapat dilihat menerusi lafaz *al-thiqal* yang menjelaskan keadaan awan berat yang mengandungi air bertujuan menurunkan air untuk menumbuhkan tumbuhan, tanaman dan beberapa fungsinya lagi. Ia juga dinyatakan dalam surah berikut:

﴿فَأَنْزَلْنَا بِهِ الْمَاءَ فَأَخْرَجْنَا بِهِ مِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ﴾

“Lalu Kami turunkan hujan dengan awan itu kemudian Kami keluarkan dengan air hujan itu berbagai-bagai jenis buah-buahan”

(al-Baqarah 2: 164)

﴿وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ مَّاءٍ فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَّ فِيهَا مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ﴾

“Demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya serta Ia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang”

(al-A'raf 7: 57)

Selain itu juga, dapat diamati penggunaan *ينشئ* di sini zahir kepada bentuk *mudari'*. Pada asasnya, kata kerja *mudari'* menunjukkan sesuatu perbuatan sedang berlaku dan akan berlaku. Dalam hal ini, pengkaji lebih berpendirian menyatakan bahawa *ينشئ* ditampilkan kepada *mudari'* kerana menunjukkan proses pembentukan awan adalah berterusan melalui peringkat-peringkat perubahan yang ditetapkan Allah sejak azali hingga kiamat. Di samping itu, ia juga menggambarkan satu kuasa yang mengatur pembentukan, perubahan dan pergerakan awan iaitu Allah sebagai pencipta dan pentadbir alam.

4) Surah al-Naml

﴿وَتَرَى الْجِبَالَ تَحْسَبُهَا جَامِدَةً وَهِيَ تَمُرُّ مَرَّ السَّحَابِ﴾

“Dan engkau melihat gunung-ganang, engkau menyangkanya tetap membeku, padahal ia bergerak cepat seperti bergerakanya awan”

(al-Naml 27: 88)

i. Tashbih

Berdasarkan ayat tersebut, lafaz *al-sahab* diungkapkan sebagai satu perumpamaan atau perbandingan (*tashbih*). Pada dasarnya, perbandingan yang dipaparkan melibatkan gambaran luar biasa yang akan menjadi kejutan besar sekiranya manusia dapat menyaksikan sendiri pergerakan gunung-ganang yang secepat awan.

Intipati daripada ayat ini adalah berkenaan hari kiamat dan ia memperlihatkan makhluk ciptaanNya iaitu gunung-ganang yang berkedudukan statik tidak bergerak. Atas perintah Allah, ia bergerak cepat seperti awan yang ditiup angin. Hasil penelitian mendapati bahawa pergerakan gunung-ganang dibandingkan dengan pergerakan awan yang cepat kerana menunjukkan jangka hayat makhluk ciptaanNya yang akan tamat riwayatnya. Perkara ini turut dirakamkan dalam ayat berikut:

﴿وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْجِبَالِ فَقُلْ يَنْسِفُهَا رَبِّي نَسْفًا. فَيَذَرُهَا قَاعًا صَفْصَفًا. لَا تَرَى فِيهَا عِوَجًا وَلَا أَمْتًا﴾

“Dan mereka (yang kafir) bertanya kepadamu (wahai Muhammad) dari hal gunung-ganang maka jawablah: Tuhanku akan menghancurkannya menjadi debu ditiup angin. Lalu Ia membiarkan tapak gunung-gunung itu (di bumi) rata lagi licin. Engkau tidak akan melihat pada tapaknya itu tempat yang rendah atau yang tinggi”

(Taha 20: 105-107)

﴿وَيَوْمَ يُنْفَخُ فِي الصُّورِ فَفَرَجَ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ إِلَّا مَنْ شَاءَ اللَّهُ وَكُلُّ أَتَوْهُ دَاخِرِينَ﴾

“Dan (ingatkanlah) hari di tiup sangkakala lalu terkejutlah-gerun gementar- makhluk-makhluk yang ada di langit dan yang ada di bumi kecuali mereka yang dikehendaki Allah dan kesemuanya akan datang kepadaNya dengan keadaan tunduk patuh”

(al-Naml 27: 87)

Rentetan daripada apa yang telah difirmankan ini, ia menggambarkan bahawa pengakhiran jangka hayat semua makhluk akan dimulai dengan tiupan sangkakala. Dengan suasana yang mengejutkan serta menakutkan itu menyebabkan pergerakan makhlukNya iaitu awan dan gunung-ganang akan bertukar menjadi cepat lalu hancur musnah. Tiupan sangkakala akan menggegarkan hingga mematikan seluruh makhluk melainkan dari kalangan mereka yang terkecuali.

5) Surah al-Nur

﴿يَعْتَسَاهُ مَوْجٌ مِّنْ فَوْقِهِ مَوْجٌ مِّنْ فَوْقِهِ سَحَابٌ﴾

“Yang diliputi oleh ombak bertindih ombak di sebelah atasnya pula awan tebal”

(al-Nur 24: 40)

i. *al-Taqdim wa al-Ta'khir*

Berdasarkan kepada ayat tersebut, pengungkapan *sahab* dapat diperhalusi pada fungsi *al-taqdim wa al-ta'khir*. Dalam struktur ayat ini, ungkapan *مِنْ فَوْقِهِ* yang diulang dua kali ialah *khobar* yang didahulukan (*taqdim*) manakala *sahab* berkedudukan sebagai *mubtada'* yang diletakkan kemudian selepas *khobar* tersebut.

Daripada pengamatan terhadap ayat, ungkapan *مِنْ فَوْقِهِ* diulang sebanyak dua kali dan ia didahulukan posisi kedudukannya daripada lafaz *sahab* (*mubtada'*) kerana menunjukkan gaya hidup orang-orang kafir yang mengamalkan cara hidup yang sia-sia. Setiap perbuatan dan amalan dilakukan adalah bertaklid semata-mata. Lantas, ia menyebabkan kehidupan mereka di dunia sia-sia dan mendapat kerugian di akhirat. Manakala lafaz *sahab* yang berada kedudukannya sebagai *ta'khir* menggambarkan keadaan hidup orang-orang kafir yang diselubungi kegelapan demi kegelapan lalu menyebabkan mereka jauh daripada mendapat petunjuk. Ia digambarkan seperti awan yang semakin berlapis dan berlapis lalu menjadi awan yang tebal akibat daripada lapisan awan yang menyelubunginya.

Gambaran ini mengajar manusia supaya tidak mengikuti jejak orang-orang kafir dan menjauhi daripada unsur bertaklid semata-mata tanpa ilmu dan pengetahuan. Bertaklid tanpa menggunakan ilmu akan menjadikan seseorang itu sesat dan jauh daripada kebenaran dan agama juga mengajar manusia supaya sering bertanya tentang sesuatu yang tidak diketahui untuk mengelakkan daripada melakukan sesuatu tanpa asal usul yang benar sepertimana firmanNya dalam ayat berikut:

﴿فَاسْأَلُوا أَهْلَ الدِّكْرِ إِن كُنتُمْ لَا تَعْلَمُونَ﴾

“Oleh itu bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang-orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahui”

(*al-Nahl* 16: 43)

Ayat ini menjadi dalil dan pegangan kepada manusia khususnya beragama Islam supaya sentiasa mendampingi orang-orang yang berilmu untuk mendapatkan kepastian terhadap sesuatu tanpa bertaklid semata-mata.

6) Surah al-Nur

﴿أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ يُرْسِلُ سَحَابًا...﴾

“Tidakkah engkau melihat bahawasanya Allah mengarahkan awan bergerak perlahan-lahan”

(*al-Nur* 24: 43)

i. *Nazm*

Berdasarkan ayat di atas, *sahab* menerangkan proses kejadian hujan yang dimulakan dengan pergerakan awan perlahan-lahan hingga ke proses berikutnya. Hakikatnya, pergerakan awan yang dipaparkan dalam ayat ini sebagai bukti kekuasaan Allah dan tanda kewujudan dan kebijaksanaanNya.

Dari sudut perkataan, *sahab* digandingkan dengan perkataan يُرْجِي sebagai satu proses awal kepada pembentukan gumpalan awan hujan. Apabila diperhatikan secara halus, al-Zayn (2001) menyebut bahawa يُرْجِي bermaksud menolak sesuatu untuk menjadikannya tersusun rapi. Dari pandangan tersebut, pengkaji mengatakan bahawa penggunaan يُرْجِي dalam konteks ayat menunjukkan proses kejadian hujan itu berlaku dengan penuh rapi, tersusun dan teratur. Ia menggambarkan keadaan gumpalan awan yang tersusun rapi kemas sebelum menurunkan hujan. Awan tersebut bergerak antara satu sama lain lalu berkumpul membentuk gumpalan awan yang berbentuk lapisan demi lapisan.

Apabila diamati perkataan يُرْجِي ini, ia bukan sahaja menunjukkan pergerakan awan dan susunan awan tersebut. Bahkan, kesan daripada pergerakan awan tersusun rapi membentuk gumpalan awan juga mempengaruhi kesan geografi dari sudut cuaca dan iklim. Gumpalan awan yang tebal berlapis-lapisan itu akan berhenti pada satu keadaan yang menunjukkan ia akan bersedia untuk menurunkan air hujan. Justeru, pembentukan gumpalan awan membantu meredupkan cuaca dan mengurangkan suhu kepanasan iklim pada sesuatu kawasan dinaungi awan tersebut. Setelah menurunkan hujan sesuatu kawasan itu akan mengalami perubahan iklim yang berbeza. Sebagai kesimpulan, jalinan perkataan antara *sahab* dan يُرْجِي memberikan manfaat sampingan lain kepada kehidupan kegiatan manusia dan sebagainya.

7) Surah al-Rum & Surah Fatir

﴿اللَّهُ الَّذِي يُرْسِلُ الرِّيَّاحَ فَتُثِيرُ سَحَابًا﴾

“Allah jualah yang menghantarkan angin, lalu angin itu menggerakkan awan”

(al-Rum 30: 48 & Fatir 35: 9)

i. Nazm

Dalam aspek ini, terdapat dua ungkapan yang amat berkait rapat iaitu يُرْسِلُ الرِّيَّاحَ dan تُثِيرُ سَحَابًا. Kedua-duanya dijalinkan dengan perkataan *fi*^c berbentuk *mudari*^c.

Pertama, ungkapan يُرْسِلُ الرِّيَّاحَ menunjukkan hubungan erat antara angin yang menjadi penggerak kepada awan. Gandingan antara kedua-duanya bertujuan mengalihkan pandangan manusia kepada kekuasaanNya terhadap alam semesta dan hikmah di sebalik kepatuhan dan ketundukkan makhluk ciptaanNya untuk kebaikan manusia. Sekiranya angin tidak akur pada penciptannya, manusia mungkin akan sengsara kerana angin yang diciptakan Allah ini memberikan manfaat kepada manusia dan makhluk lain. Antara manfaat tersebut ialah proses pembenihan sepertimana yang dijelaskan dalam ayat berikut:

﴿وَأَرْسَلْنَا الرِّيَّاحَ لَوَاقِحَ فَأَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَسْقَيْنَاكُمُوهُ وَمَا أَنْتُمْ لَهُ بِخَازِنِينَ﴾

“Dan Kami hantarkan angin sebagai pembawa air dan pemindah benih maka dengan itu Kami menurunkan air (hujan) dari langit, kemudian Kami berikan kamu meminumnya dan bukanlah kamu yang (berkuasa menurunkannya atau) menyimpannya”

(al-Hijr 15: 22)

Selain itu, angin juga membantu manusia dalam pelayaran kapal sebagaimana yang telah disebutkan dalam surah Yunus:

﴿هُوَ الَّذِي يُسَيِّرُكُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ حَتَّىٰ إِذَا كُنْتُمْ فِي الْفُلِكِ وَجَرِينَكُمْ بِهِمْ بِرِيحٍ طَيِّبَةٍ﴾

“Dia lah yang menjalankan kamu di darat dan di laut (dengan diberi kemudahan menggunakan berbagai jenis kenderaan) sehingga apabila kamu berada di dalam bahtera dan bahtera itu pula bergerak laju membawa penumpang-penumpangannya dengan tiupan angin yang baik”

(Yunus 10: 22)

Kedua, ungkapan *تُنِيرُ سَحَابًا* menerangkan kesan angin kepada awan (*sahab*) yang menggerakkan awan untuk proses pembentukan hujan. Oleh yang demikian, jalinan antara kedua-dua ungkapan tersebut bertujuan mengalihkan perhatian dan pandangan manusia terhadap bukti-bukti kekuasaan Allah terhadap alam semesta dan hikmah di sebaliknya. Penampilan perkataan *يُرْسِلُ* dan *تُنِيرُ* kepada kata kerja *mudari'* menunjukkan bahawa angin dan awan tidak pernah putus memberikan manfaat yang baik untuk manusia sejagat serta makhluk lain dan ia mempengaruhi kehidupan manusia dan alam hingga berterusan. Justeru, pengungkapannya dalam konteks ayat ini memperlihatkan makhlukNya angin dan awan bermanfaat kepada alam.

8) Surah al-Thur

﴿...يَقُولُوا سَحَابٌ مَّرْكُومٌ﴾

“Mereka berkata: (itu adalah) awan yang bertompok-berlapis-lapis”


(al-Thur 52: 44)

i. al-Tankir

Penampilan *sahab* sebagai perkataan berbentuk *al-tankir* atau *nakirah* dalam ayat membawa maksud ancaman kepada kaum musyrikin. Ancaman yang dimaksudkan ialah azab yang akan ditimpakan kepada kaum musyrikin.

Azab tersebut terselindung di sebalik awan yang bertompok berlapis-lapis. Perkataan *markum* dalam ayat menjadi isyarat kepada azab yang akan diturunkan. Azab tersebut tidak dipertontonkan atau ditunjukkan secara langsung tetapi ia diperlihatkan melalui awan yang berlapis-lapis. Ini kerana perkataan *markum* memperihalkan bentuk awan dalam ayat ini ialah berlapis-lapis dan gelap. Kaum musyrikin yang melihat awan tersebut menyangkakan awan gelap berlapis-lapis itu akan menurunkan hujan tetapi sebenarnya azab.

Oleh yang demikian, pengungkapan lafaz *sahab* kepada *al-tankir* yang digandingkan dengan perkataan *markum* merungkaikan sikap kedegilan kaum musyrikin untuk beriman kepada Allah. Hakikatnya, mereka mengetahui tentang kewujudan Allah namun mereka mempersendakan dan menjadikan itu sebagai ejekan dan mainan. Justeru, awan yang bertompok berlapis-lapis yang dilihat oleh kaum musyrikin hanya sebagai cabaran kepada mereka.



Rajah 2 Pengungkapan lafaz *al-sahab* dari sudut retorik

KESIMPULAN

Dari perbincangan yang telah diketengahkan, dapat difahami bahawa pengungkapan lafaz *al-sahab* dalam al-Qur'an menyerlahkan tujuan yang paling besar iaitu sebagai bukti penciptaan Allah dan ia telah dibuktikan menerusi firman-firmanNya dalam surah al-Baqarah, al-A'raf, al-Ra'd, al-Naml, al-Nur, al-Rum dan Fatir. Dalam setiap kupasan dan perbincangan terhadap lafaz *al-sahab* menerusi ayat-ayat tersebut, ia merungkaikan tanda-tanda kebesaran Allah melalui penciptaan awan. Ia lebih kepada proses pembentukan awan dari mula hingga akhir. Manakala dalam surah al-Nur (ayat 40), pengungkapan lafaz *al-sahab* dalam ayat ini adalah bertujuan menggambarkan kehidupan orang-orang kafir yang ditutupi dengan kesesatan dan kekufuran diumpamakan seperti awan tebal.

Dari aspek retorik, setiap pengungkapan lafaz *al-sahab* dapat dirungkaikan menerusi beberapa gaya bahasa iaitu *tashbih*, *nazm*, *al-taqdim wa al-ta'khir* dan *al-tankir*. Penggunaan *tashbih* sebagai satu perbandingan atau perumpamaan menyerlahkan berbagai-bagai maksud tersendiri mengikut kontekstual ayat. Ia melibatkan struktur gambaran yang ditonjolkan dalam ayat bersama lafaz tersebut. Oleh itu, lafaz *al-sahab* yang diserlahkan pada aspek ini menguatkan lagi struktur imaginasi atau ilustrasi yang ingin disampaikan. Dalam kesenian *al-taqdim wa al-ta'khir*, ia memperlihatkan perubahan struktur ayat yang jelas membawa kepada perubahan makna ayat keseluruhannya. Pengungkapan *al-sahab* dalam kesenian ini bukan sekadar memberi kekuatan pada aspek makna malah membentuk kekuatan maksud yang jauh lebih utuh daripada maksud asal. Dari sudut *nazm* pula, setiap lafaz *al-sahab* mempunyai padanan atau jalinan perkataan masing-masing mengikut konteks dan struktur ayat yang telah dikupaskan dengan tujuan menyerlahkan kemurniaan sesuatu mesej tersirat di sebalik ayat. Kesimpulannya, lafaz *al-sahab*

memainkan peranan penting dalam memberikan impak kepada makna yang tepat dan sesuai dengan mesej yang disampaikan.

RUJUKAN

Al-Qur'an.

- Abadi, Majd al-Din Muhammad al-Fayruz. 2005. *al-Qamus al-Muhit*. Bayrut: Dar al-Jil.
- Ahrens. 2007. *Meteorology Today: An Introduction to Weather, Climate and the Environment*. Thomson Brooks/Cole: USA.
- al-'Abadasah, Fathi 'Abd al-'Aziz. 2002. *al-Ma' fi al-Qur'an al-Karim-Dirasah Mawdu'iyah*. Tesis Sarjana, Takhasus Usuluddin, al-Jami'ah al-Islamiyyah Ghazzah, Palestin.
- al-Asfahani, al-Raghib. 2009. *Mufradat Alfaz al-Qur'an*. Dimashq: Dar al-Qalam.
- 'Aydah, 'Abd al-Malik. 1990. *Alfaz al-Matar wa al-Sahab wa ma Yattasil Qadiman wa Hadithan-Dirasah Lughawiyah*. Tesis Sarjana, Kulliyah al-Lughah al-'Arabiyyah, Ja'mi'ah Umm al-Qura.
- al-Baqi, Muhammad Fu'ad Abd. 2001. *al-Mu'jam al-Mufahras li alfaz al-Qur'an al-Karim*. Qaherah: Matba'ah Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- Ibn Manzur. 1999. *Lisan al-'Arab*. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Ibn Faris Zakaria, Abi al-Husayn bin Ahmad. 1979. *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. Dar al-Fikr.
- al-Jurjani, Abu Bakar 'Abd al-Qahir bin 'Abd al-Rahman bin Muhammad (471H). 2004. *Dala'il al-I'jaz*. Qaherah: Maktabah al-Khaniji.
- al-Jurjani, Abu Bakar 'Abd al-Qahir bin 'Abd al-Rahman bin Muhammad (471H). 1991. *Asrar al-Balaghah*. Qaherah: Maktabah al-Khaniji.
- Muhammad, Salah al-Din Salim. 2010. *Lafz al-Ma' wa ma Yadullu 'Alayhi fi Nusus min al-Tanzil*. *Majallat Abhath Kuliyyat al-Tarbiyyah al-Asasiyyah* 9(4): 279-297.
- al-Mut'i, Abd al-Azim Ibrahim Muhammad. 1996. *Dirasat Jadidah fi I'jaz al-Qur'an*. Qaherah: Maktabah Wahbah.
- Rogers, R.R. 1983. *A Short Course in Cloud Physics*. Pergamos Press: Oxford.
- Sheikh Abdullah Basmeih. 2001. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Saihood, Khawlah Salih. 2019. *Jamaliyyah al-Tashbih fi al-Suwar al-Makkiyyah*. *al-Majallah al-Dawliyyah li al-'Ulum al-Insaniyyah wa al-Ijtima'iyah* 9(1) 1-15.
- 'Ubaydiyyah, Fatimah Muhammad. 2003. *al-Ma' fi Ayat al-Qur'an al-Karim*. Tesis Sarjana, Takhasus Usuluddin, al-Jami'ah al-Najah al-Wataniyyah, Palestin.
- al-Za'arir, Ghalib Muhammad Raja. 2003. *al-Ma' fi al-Qur'an al-Karim*. Madinah al-Munawwarah: Maktabat Dar al-Zaman.
- al-Zayn, Samih 'Atif. 2001. *Mu'jam Tafsir Mufradat Alfaz al-Qur'an al-Karim*. Bayrut: Dar al-Kitab al-Banani.